

Morfologi/ Frasa/ Sintaksis/ Peribahasa

1. Dalam bahan di bawah ini, terdapat **kesalahan-kesalahan ejaan**. Kenal pasti **dua** kesalahan tersebut dan **tulis ejaan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan.



APAKAH ITU IMUNISASI?

Imunisasi merupakan proses pembentukan imuniti di dalam badan individu selepas disuntik dengan vaksin.

Vaksin mengandungi antijen, iaitu sebahagian atau keseluruhan struktur virus atau bakteria yang telah dimatikan atau dilemahkan.

Vaksin diberikan bagi mencegah penyakit cegahan vaksin.

- (i) _____
- (ii) _____

[2 markah]



2. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Rumah-rumah di kawasan perkampungan itu kebanyakannya dibina dari bahan-bahan seperti daun nipah atau rumbia dan berdindingkan buluh.

(ii) Masyarakat hendaklah mengetahui cara-cara menjalani kehidupan yang sihat agar supaya terhindar daripada masalah kesihatan.

[2 markah]

3. Baca arahan dengan telitinya dan jawab semua soalan yang diberikan. Kenal pasti **subjek** dan **predikat** bagi ayat di bawah ini. Kemudian, tulis jawapan pada ruang jawapan yang disediakan.

(i) Hospital Seri Aman terletak berhampiran dengan Taman Andalas.

Subjek: _____

Predikat: _____

(ii) Anak gadis Pak Cik Leman guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Intan.

Subjek: _____

Predikat: _____

[4 markah]

4. Lihat bahan di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan situasi di bawah ini, tulis **dua** peribahasa yang sesuai.

Setelah tamat belajar di Kuala Lumpur, Fariz pulang ke kampung. Dia terkejut apabila melihat kawasan semak di belakang rumahnya. Dia sedar bahawa kawasan semak itu tidak patut dibiarkan. Dia mencari jalan untuk membangunkan kawasan yang terbiar itu. Dia menyatakan ideanya hendak mengusahakan tanaman limau kasturi di kawasan yang terbiar itu kepada keluarganya. Mereka bersetuju dengan cadangan Fariz. Keesokan harinya, Fariz memulakan kerja-kerja pembersihan kawasan yang terbiar itu. Fariz dibantu oleh abang, adik, dan ayahnya. Selepas kerja-kerja pembersihan selesai, mereka mula menanam anak-anak pokok limau kasturi yang dibelinya di pekan. Ayah Fariz berasa kagum akan kesungguhan anak-anaknya mengerjakan kawasan tersebut.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]